

KENYATAAN MEDIA

PEMBAIKAN CERUN DI KM22 JALAN LAPANGAN TERBANG TAWAU KE PUSAT BANDAR TAWAU, SABAH

Kementerian Kerja Raya (KKR) ingin memaklumkan bahawa Kontraktor Lintasan Resources Sdn Bhd telah dilantik pada 10 Oktober 2018 lalu bagi melaksanakan kerja-kerja pembaikan keruntuhan cerun jalan di KM22 Jalan Lapangan Terbang Tawau ke Pusat Bandar Tawau.

Projek pembaikan secara reka dan bina dengan anggaran kos RM9.6 juta itu dijangka akan mengambil masa 18 bulan untuk disiapkan. Sehubungan itu, pihak kontraktor telah diminta untuk mengemukakan cadangan kaedah pembaikan cerun yang terlibat kepada Jabatan Kerja Raya Sabah sebagai penguasa projek.

Dalam masa yang sama pihak kontraktor juga diarahkan untuk melaksanakan Kajian Analisa Tanah dan kerja-kerja awalan lain (termasuk *Traffic Management Plan*) terlebih dahulu. Berdasarkan perancangan, kerja-kerja fizikal akan dimulakan pada bulan Mac 2019 ini dan dijangka siap pada April 2020.

Sementara menunggu projek disiapkan, para pemandu di laluan berkenaan khususnya penduduk Tawau dimohon untuk bersabar dan mematuhi arahan trafik dan papan tanda amaran di laluan berkenaan.

KEMENTERIAN KERJA RAYA

15 OKTOBER 2018

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  [Kementerian Kerja Raya](https://www.facebook.com/kkr.gov.my) |  [@MOWorks](https://twitter.com/MOWorks) |  Pro@kk.gov.my